

Ahli Kekaumas kunjungi IPTA di Pantai Timur

UB 9.4.2013 B2

KOTA KINABALU: Seramai 36 ahli dan keluarga Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Pantai Timur, baru-baru ini.

Rombongan yang diketuai oleh Presiden Kekaumas, Amat Jutrah Musnih, itu disambut oleh pegawai Universiti Malaysia Pahang di Terminal LCCT dan menaiki bas UMP hingga ke Pahang dan Terengganu.

Beliau yang juga pengarah delegasi berkata lawatan itu banyak memberi manfaat kepada peserta dan mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan universiti terutama Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said kerana memberikan komitmen yang

terbaik bagi meringankan kos perjalanan dan memberikan cuti tanpa rekod kepada semua ahli yang bermula pada 26 Mac hingga 1 April.

Presiden Kesatuan Kakitangan Am UMP, Abd Lafif Idris berkata kehadiran rombongan Kekaumas ke UMP sangat dialu-alukan dan mengucapkan terima kasih atas pemilihan berkenaan.

Katanya, kunjungan itu bukannya hendak memupuk hubungan persahabatan malah memberikan peluang menimba maklumat yang boleh diguna pakai di UMS nanti.

Delegasi Kekaumas terus ke Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), kira-kira 4 jam perjalanan menggunakan bas UMP dari Kuantan.

Semasa di UMT, Presiden



DELEGASI selamat tiba di Lapangan Terbang Tambang Murah LCCT Kuala Lumpur.

Kesatuan Kakitangan Am UMT (Kuat), Yakob Rasif berkata kunjungan Kekaumas ke UMT adalah kunjungan kali kedua.

Penolong Pendaftar di Unisza, Johari berkata melalui lawatan seperti Kekaumas laksanakan adalah cara lebih baik membina perhubungan antara kedua-dua kesatuan agar dapat bertukar-tukar pendapat

dari segi perkhidmatan dan pengalaman.

Perjalanan selama tiga jam dari UMT ke Universiti Sains Malaysia (USM) di Kubang Kerian menggunakan bas UMT disambut oleh Presiden Kesatuan Kakitangan Am, Mohd Rahim dan Exco Kesatuan dari Kampus Induk Pulau Pinang dan Kubang Kerian, Kota Bharu.

Mohd Rahim berkata, aktiviti seperti itu sangat baik dilaksanakan terutama kepada ahli kesatuan agar dapat melihat keindahan dan budaya masyarakat di tempat lain.

Dengan menaiki bas UMK, peserta berkesempatan berkunjung ke Rantau Panjang sambil membeli belah. Semua peserta turut melawat ke tempat-tempat yang bersejarah, tempat tumpuan pelancong di sekitar Kuala Lumpur termasuk Genting Highland dengan perkhidmatan bas daripada Universiti Putra

Malaysia yang diiringi Exco Keptama UPM, Rahmat.

Salah seorang peserta lawatan yang juga ahli Kekaumas, Pazil Teek, seorang pemandu di Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UMS, berkata dia amat berpuas hati dengan perjalanan yang telah diatur oleh Presiden Kekaumas dan Pengarah Delegasi, Amat Jutrah, yang banyak memberikan peluang kepadanya berkongsi maklumat dan pengalaman kerja di semua tempat yang telah dilawati serta tempat-tempat pelancongan yang terkenal seperti di Genting Highland.

Sementara itu, Timbalan Presiden Kekaumas, Abd Jalil Sapli merasa lega dan berpuas hati dengan semua perjalanan sehingga ke penghujung lawatan.

"Banyak pengalaman dan pengetahuan telah dapat ditimba melalui lawatan berkenaan," katanya.

Beliau merakamkan jutaan terima kasih kepada semua IPTA yang terlibat seperti UMP, UMT, Unisza, USM, UMK dan UPM kerana memberikan kerjasama menayakan lawatan itu.

Salleh Dami, yang juga seorang pemandu, berkata banyak ilmu yang dapat diperolehi semasa lawatan itu amat berbaloi dikongsi bersama terutama dengan rakan sejawat di IPTA Pantai Timur.

"Saya berharap pihak Kekaumas dapat meneruskan aktiviti berkenaan pada masa hadapan," katanya.

Anggota keselamatan, Saidin

Marjan berpendapat memang sukar diperolehi pengalaman-pengalaman yang didapati dalam lawatan itu yang telah memberikan satu ilham yang sangat berguna kepada jabatan dan semua peserta.

Lawatan kali ini telah menghilangkan rasa tekanan bekerja dalam pejabat dan dapat merehatkan minda dalam urusan pekerjaan.

Turut menyertai lawatan itu ialah Penolong Setiausaha, Arnah Sainudin dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) dan Julius Sokodor dari Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM).



ROMBONGAN Kekaumas bersama pendaftar Universiti Malaysia Pahang dan Amat (lima kanan).



ABD JALIL (dua kiri) dan peserta lawatan merakam kenangan di Masjid Kristal Terengganu.